



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“PERKAHWINAN MENYEMPURNAKAN KEHIDUPAN”

19 April 2024 / 10 Syawal 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى، وَيَعْلَمُ السِّرَّ وَأَخْفَى، وَخَلَقَ النَّاسَ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى،
وَجَعَلَ بَيْنَهُمْ مَوَدَّةً وَنَسَبًا وَصِهْرًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْأَسْمَاءُ
الْحُسْنَى، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُصْطَفَى، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ أَهْلِ الصِّدْقِ وَالْوَفَاءِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا
اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi semua larangan Nya, mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: “PERKAHWINAN MENYEMPURNAKAN KEHIDUPAN”

Firman Allah SWT, surah Ar-Rum ayat 21:

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً
وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾﴾

Bermaksud: Dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmat Nya, Dia menciptakan untuk mu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri daripada jenis mu sendiri, agar kamu senang hati dan hidup mesra dengannya, dan Dia menjadikan antara kamu (suami isteri) rasa kasih dan sayang serta belas kasihan. Sesungguhnya perkara ini benar-benar mengandungi keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Perkahwinan merupakan ikatan zahir dan batin antara lelaki dan wanita; diperintahkan oleh agama untuk memenuhi keinginan berumah tangga bagi memperoleh keturunan dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh syariat Islam.

Ayat yang khatib sampaikan pada awal khutbah menjelaskan hikmah perkahwinan yang mendatangkan ketenangan jiwa, menyemai sifat kasih sayang antara pasangan yang akan membawa kebahagiaan hidup. Rasulullah SAW menyenaraikan empat ciri utama sebagai panduan memilih pasangan, sabda Rasulullah SAW dari Abu Hurairah RA:

تُنكحُ الْمَرْأَةَ لِأَرْبَعٍ: لِمَاهِهَا، وَحَسَبِهَا، وَجَمَالِهَا، وَلِدِينِهَا، فَاطْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ، تَرَبَّتْ يَدَاكَ

Bermaksud: (Lazimnya) wanita dinikahi kerana empat sebab; kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya, kerana agamanya. Maka pilihlah kerana agama, mudah-mudahan kamu berjaya dan selamat. (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Rasulullah SAW turut menganjurkan agar mencari pasangan yang mempunyai ciri penyayang, mesra dan mampu melahirkan zuriat seperti mana hadis Baginda:

تَزَوَّجُوا الْوُدُودَ الْوُلُودَ فَإِنِّي مُكَاتِرٌ بِكُمْ الْأُمَّمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Bermaksud: Berkahwinlah dengan wanita yang penyayang dan subur kerana aku bangga dengan jumlah kamu (umat ku) di hadapan umat-umat lain pada hari kiamat.

(Riwayat Abu Daud)

Perkahwinan merupakan sunnah Rasulullah SAW kerana Baginda sendiri berkahwin, dan mempamerkan contoh bagaimana menjaga hubungan perkahwinan secara adil dan baik. Teladan yang ditunjukkan oleh Baginda SAW, mengajar umat untuk membina keluarga bahagia, melahirkan keturunan yang soleh dan meningkatkan hubungan kasih suami isteri demi menjaga kehormatan dan kesucian, serta melindungi diri daripada perbuatan maksiat.

Hakikatnya apa jua perintah Allah SWT kepada hamba Nya, pasti bertujuan kebaikan. Perkahwinan mengiktiraf kecenderungan kejantinaan, menyempurnakan keperluan naluri manusia menurut jalan yang diredhai, menenangkan perasaan atau emosi, serta menjamin pemeliharaan kesihatan tubuh badan. Mensyariatkan perkahwinan mempunyai pelbagai kebaikan sama ada untuk diri, masyarakat mahupun negara.



Melalui perkahwinan, akan terbina keluarga bahagia, yang dapat membangunkan masyarakat sejahtera, untuk membentuk tenaga memacu kemajuan negara.

Hadirin yang dimuliakan,

Dapatan kajian menunjukkan kumpulan orang bujang di Malaysia berada di tempat ketiga tertinggi di Asia Tenggara, dengan 45 peratus penduduknya terdiri dalam kalangan belum berkahwin, bercerai atau balu. Sifat yang berasa selesa dengan kerjaya sedia ada, serta tidak mahu dibebani tanggungjawab kekeluargaan, menyebabkan sebahagian golongan muda pada hari ini, memilih menanggungkan perkahwinan, malah ada yang memilih untuk meneruskan alam bujang. Negara bakal dipenuhi nisbah penduduk warga tua yang tinggi, jika pengembangan zuriat mula berkurangan kerana kurangnya kesedaran terhadap kebaikan berumah tangga.

Berdasarkan data perkahwinan, perceraian dan rujuk, Jabatan Agama Islam Perak, dalam tahun 2023, tercatat 12,208 pernikahan dan 2,725 kes perceraian didaftarkan dalam kalangan umat Islam di negeri Perak. Daripada jumlah kes perceraian tersebut, hanya 439 pasangan yang bersedia merujuk kembali ikatan perkahwinan mereka. Pelbagai faktor mendorong kepada berlakunya perceraian, antaranya, perlakuan curang, mengabaikan tanggungjawab, kurang persefahaman, juga dipengaruhi oleh kesesakan hidup, kesempitan kewangan, kemiskinan, gangguan kesihatan, tekanan emosi dan ketagihan dadah.

Dalam melayari bahtera berumah tangga, kejujuran pasangan merupakan titik paling asas untuk membina kestabilan dan kebahagiaan hubungan suami isteri. Suami dan isteri masing-masing bertanggungjawab memastikan rumah tangga yang dibina kekal bahagia dan saling memenuhi keperluan pasangan.

Kewujudan media sosial serta aplikasi mudah alih yang membolehkan perhubungan dalam talian, telah membuka ruang berlakunya hubungan sulit – hubungan terlarang antara lelaki dan perempuan secara sumbang, yang bercanggah dengan ajaran agama hingga boleh menghampirkan diri mereka yang terlibat kepada dosa zina. Demi kebahagiaan rumah tangga dan demi mensyukuri nikmat pemberian Ilahi, jauhilah daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah agama yang hanya mengundang kemurkaan Ilahi.



Berlaku jujurlah bersama pasangan kerana apabila kepercayaan tergugat, hubungan suami isteri akan menjadi rapuh. Dalam keadaan suami isteri mula bertelagah, hilanglah kerukunan hidup berumah tangga. Dalam keadaan demikian, kehidupan anak-anak akan terkesan secara langsung. Emosi dan fikiran anak-anak akan terganggu, sekali gus akan menjejaskan tumpuan mereka terhadap pelajaran. Anak-anak akan turut mengalami kemurungan melihat hubungan ibu bapa yang tidak lagi mesra, bertambah buruk apabila berlaku penceraian.

Hadirin Rahimakumullah,

Mimbar mengingatkan jemaah kepada perkara-perkara berikut:

Pertama: Perkahwinan merupakan sunnah Rasulullah SAW untuk menyempurnakan kehidupan yang dilimpahi ganjaran Allah SWT. Perkahwinan juga ialah institusi untuk membina keluarga dengan melahirkan zuriat yang dijamin rezeki mereka oleh Allah SWT.

Kedua: Curahkan kasih sayang kepada pasangan dengan bersifat jujur, setia dan bertimbang rasa; para suami hendaklah bersedia mengambil tanggungjawab meringankan beban kerja rumah isteri, terutama jika isteri juga bekerja untuk menambah pendapatan keluarga. Para suami wajib mempamerkan sifat belas kasihan dengan mengambil tanggungjawab membantu menguruskan kerja-kerja rumah serta memenuhi keperluan anak-anak dalam semangat berat sama dipikul.

Ketiga: Alam perkahwinan tidaklah setiap masa indah diwarnai pelangi kerana kadang kala diselangi awan mendung yang menguji kesabaran. Ketika dilanda ujian, berunding dan berbincang dalam suasana tenang, sabar dan harmoni agar terjalin persefahaman yang membawa kebahagiaan. Dapatkan bantuan nasihat orang tua atau saudara tua, sahabat dan rakan taulan apabila menghadapi kekusutan.

Keempat: Sandarkan sepenuh pengharapan dan kekuatan kepada Allah SWT, memohon rahmat dan bimbingan Nya agar dilimpahi rahmat berumah tangga. Berdoa dan memohon petunjuk dan panduan Ilahi ketika menghadapi dugaan dan ujian. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mengasihani.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَاَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Limpahi rahmat dan kebahagiaan buat seluruh keluarga umat Islam. Melalui ikatan perkahwinan yang Engkau redha, kurniai umat Islam zuriat yang bijak lagi soleh, menghormati ibu bapa dan berguna kepada masyarakat dan negara. Kurniai kami kesabaran agar saling memahami, semoga subur hubungan kasih sayang, berkekalan hingga ke Jannah.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

يَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.